

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myFlexi PA. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

- a) Takaful myFlexi PA ialah takaful kemalangan diri yang menyeluruh dengan empat belas (14) Manfaat Utama yang direka untuk melindungi anda dan keluarga anda sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan.
- b) Perlindungan yang diberikan adalah di seluruh dunia dan sah selama dua puluh empat (24) jam sepanjang tempoh perlindungan sijil anda ("Tempoh Takaful").
- c) Produk ini membolehkan anda meluaskan perlindungan takaful kepada pasangan dan anak-anak anda dengan pilihan untuk manfaat tambahan yang sesuai dengan keutamaan dan keperluan kewangan anda ("Manfaat Tambahan").

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- a) **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah. Sebahagian lebihan boleh dibahagikan yang dikreditkan ke dalam DTA akan diagihkan kepada peserta yang layak dalam bentuk pulangan tunai berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- b) **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] ("Kami", atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- c) **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- d) **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila anda menyumbang kepada DTA.
- e) **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan/ pelan/ manfaat yang disediakan?

Terdapat empat (4) jenis perlindungan untuk dipilih:-

- i. Peserta sahaja;
- ii. Peserta & Pasangan;
- iii. Peserta & Anak-anak; atau
- iv. Keluarga (Peserta, Pasangan & Anak-anak).

Terdapat enam (6) pelan dengan jumlah perlindungan yang berbeza tersedia di bawah Manfaat Utama. Sila rujuk jadual di bawah.

a) Manfaat Utama

No.	Manfaat Utama	Jumlah Perlindungan (RM)						
		Had setiap	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
1	Kematian	Dewasa	50,000	100,000	200,000	400,000	500,000	750,000
		Anak	12,500	25,000	50,000	100,000	125,000	187,500
2	Keilangan Kekal	Dewasa	50,000	100,000	200,000	400,000	500,000	750,000
		Anak	12,500	25,000	50,000	100,000	125,000	187,500
3	Bonus Pembaharuan	Dewasa	10% setiap tahun sehingga 50%					
		Anak	Tiada					
4	Pampasan Berganda	Dewasa	50,000	100,000	200,000	400,000	500,000	750,000
		Anak	Tiada					
5	Perbelanjaan Perubatan (Had Tahunan)	Dewasa	1,000	1,500	5,000	10,000	12,000	15,000
		Anak	250	375	1,250	2,500	3,000	3,750
	Had kecil untuk:*							
	a) Rawatan Perubatan Alternatif (sehari, sehingga 5 hari)	Dewasa	200	200	200	200	200	200
		Anak	50	50	50	50	50	50
	b) Perbelanjaan Hospital kerana Covid-19	Dewasa	1,000	1,500	5,000	5,000	5,000	5,000
		Anak	250	375	1,250	1,250	1,250	1,250
	*Nota:							
	i. Jumlah untuk 5(a) dan/atau 5(b) tidak boleh melebihi Had Tahunan Perbelanjaan Perubatan.							
	ii. Bayaran di bawah 5(a) dan/atau 5(b) akan mengurangkan Had Tahunan Perbelanjaan Perubatan.							
6	Elaun Hospital Harian (sehari, sehingga 30 hari)	Dewasa	100	100	100	150	200	250
		Anak	Tiada					
7	Elaun ICU Harian (sehari, sehingga 10 hari)	Dewasa	200	200	200	200	200	500
		Anak	Tiada					
8	Perbelanjaan Penghantaran Pulang	Dewasa	3,000	3,000	3,000	5,000	5,000	10,000
		Anak	750	750	750	1,250	1,250	2,500
9	Elaun Pengebumian	Dewasa	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
		Anak	750	750	750	750	750	750
10	Badal Haji	Dewasa	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000
		Anak	500	500	500	500	500	500
11	Peralatan Ortopedik	Dewasa	2,000	3,000	3,000	3,000	4,000	5,000
		Anak	500	750	750	750	1,000	1,250
12	Yuran Ambulans	Dewasa	500	500	500	500	500	500
		Anak	125	125	125	125	125	125
13	Elaun Koma (> 14 hari)	Dewasa	1,000	1,000	3,000	3,000	5,000	5,000
		Anak	250	250	750	750	1,250	1,250
14	Elaun Luka Melecur Teruk	Dewasa	5,000	5,000	10,000	10,000	15,000	15,000
		Anak	1,250	1,250	2,500	2,500	3,750	3,750

b) Manfaat Tambahan (Pilihan, dengan sumbangan tambahan)

Manfaat Tambahan Perlindungan Kewangan		Pilihan 1	Pilihan 2
		Jumlah Perlindungan (RM)	
1	Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan Tertunggak – Apabila Mati/Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	15,000	25,000
2	Pampasan Bencana Alam – Apabila Kerosakan pada Rumah atau Kenderaan Bermotor	1,500	2,500
3	Kehilangan Wang Tunai Dikeluarkan dari Mesin ATM akibat Ragut/Rompak dalam Tempoh 30 Minit	1,000	2,000
4	Elaun Ragut	500	500

Manfaat Tambahan Perlindungan Kehidupan		Pilihan 1	Pilihan 2
		Jumlah Perlindungan (RM)	
1	Manfaat Mingguan (seminggu, sehingga 52 minggu)	200	400
2	Pembedahan Kosmetik Muka atau Pergigian	5,000	10,000

Manfaat Tambahan Basikalku	Jumlah Perlindungan (RM)
Kerosakan Basikal Akibat Kemalangan atau Kecurian akibat Diragut	3,000 - 30,000

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Jika anda ingin meneruskan perlindungan anda untuk tahun-tahun berikutnya, anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.
- Jika anda memperbaharui sijil anda, anda layak mendapat tambahan sepuluh peratus (10%) peningkatan dalam jumlah perlindungan untuk manfaat 'Kematian' dan 'Hilang Upaya Kekal' pada setiap tarikh Ulang Tahun Sijil sehingga maksimum lima (5) tahun berturut-turut jika sijil diperbaharui secara berterusan tanpa gangguan dan sijil kekal tanpa tuntutan oleh semua Orang yang Dilindungi sepanjang Tempoh Takaful.
- Manfaat Tambahan adalah pilihan sepenuhnya. Jika anda mahu, anda boleh memilih untuk menambah sama ada Manfaat Tambahan Perlindungan Kewangan, Manfaat Tambahan Perlindungan Kehidupan atau Manfaat Tambahan Basikalku, atau gabungan mana-mana Manfaat Tambahan dengan sumbangan tambahan. Anak-anak tidak layak untuk sebarang Manfaat Tambahan.
- Manfaat Mingguan tidak akan dibayar kepada Orang yang Dilindungi yang menganggur atau pesara atau pelajar.
- Hanya seorang (1) pasangan yang sah dilindungi di bawah perlindungan 'Peserta & Pasangan' dan 'Keluarga'.
- Apabila perlindungan untuk anak-anak dipilih, ia akan meliputi semua anak yang belum berkahwin dan menganggur yang berumur dari tiga puluh (30) hari hingga lapan belas (18) tahun atau berumur dua puluh tiga (23) tahun jika masih mengikuti pengajian sepenuh masa sehingga maksimum tiga (3) orang anak.
- Hanya satu (1) sijil akan dikeluarkan tanpa mengira bilangan Orang yang Dilindungi di bawah pelan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan tahunan ditentukan berdasarkan jenis perlindungan dan pelan yang anda pilih, dan Manfaat Tambahan yang anda mungkin ingin tambahkan.

a) Manfaat Utama

Perlindungan Untuk	Sumbangan Tahunan (RM)					
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
Peserta sahaja	116	230	458	902	1,124	1,678
Peserta & Pasangan	221	437	871	1,714	2,135	3,189
Peserta & Anak-anak	167	330	656	1,291	1,608	2,402
Keluarga	243	480	954	1,878	2,340	3,495

b) Manfaat Tambahan (pilihan)

Manfaat Tambahan Perlindungan Kewangan	Sumbangan Tahunan (RM)	
	Pilihan 1	Pilihan 2
Peserta sahaja atau Peserta & Anak-anak	45	75
Peserta & Pasangan atau Keluarga	81	135

Manfaat Tambahan Perlindungan Kehidupan	Sumbangan Tahunan (RM)	
	Pilihan 1	Pilihan 2
Peserta sahaja atau Peserta & Anak-anak	37	71
Peserta & Pasangan atau Keluarga	64	127

Manfaat Tambahan Basikalku	Sumbangan Tahunan (RM)	
	Jumlah Perlindungan: RM3,000 - RM30,000	
Kerosakan Basikal Akibat Kemalangan atau Kecurian akibat Diragut	2.5% daripada Jumlah Perlindungan yang dipilih	
Kadar Sumbangan Kasar	RM75 - RM750	

Nota:

Sumbangan tahunan di atas tidak termasuk 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10.00 duti setem.

5. Apakah caj dan yuran yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	45% daripada Sumbangan Tahunan: i) Komisen – 25% ii) Perbelanjaan Lain – 20%
Cukai Perkhidmatan	8% daripada Sumbangan Tahunan
Duti Setem	RM10.00

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

a. Tanggungjawab Pendedahan
Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan tuntutan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Kontrak Takaful Komersial Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas

kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- b. **Perubahan Risiko** – anda mesti memaklumkan Takaful Malaysia atau ejen sah Kami secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang Tempoh Takaful supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.
- c. **Kelayakan**
Orang Yang Layak:
 - i. Rakyat Malaysia;
 - ii. Pemastautin Tetap di Malaysia; atau
 - iii. Pekerja Asing yang memiliki permit kerja sah di Malaysia (Tertakluk kepada pekerja kolar putih kelas 1, dan bekerja dalam pejabat sahaja).

Orang yang terlibat dalam pekerjaan yang berisiko tinggi atau terdedah kepada keadaan berbahaya **TIDAK DILINDUNGI** semasa menjalankan kerja mereka atau semasa bertugas. Contohnya kakitangan syarikat penerbangan, pekerja penerbangan, pekerja kapal, anggota tentera (tentera darat, tentera laut dan tentera udara), mana-mana pasukan penguatkuasa undang-undang, anggota polis, pengawal keselamatan bersenjata, bomba, nelayan, penyelam, pelumba permotoran dan ahli sukan profesional semasa terlibat dalam aktiviti perlumbaan/sukan profesional, pekerja pelabuhan, pekerja perobohan bangunan, pelumba kuda, pekerja pembalakan, pekerja pelantar minyak, pekerja kuari, pekerja terowong bawah tanah dan lombong, pekerja penyelamat marin, individu yang terlibat secara langsung dalam membuat atau mengendalikan bahan letupan atau peluru atau bunga api, penebang pokok, pembersih tingkap bangunan tinggi dan penunggang penghantaran. Untuk maklumat lanjut tentang perkara ini, sila rujuk pada sijil takaful.

Definisi Umur: Umur hari lahir akan datang semasa permulaan perlindungan.

Peserta / Pasangan	Umur Kemasukan Minimum: 18 tahun Umur Kemasukan Maksimum: 65 tahun Boleh diperbaharui sehingga umur 74 tahun.
Anak (di bawah perlindungan 'Peserta & Anak-anak' dan 'Keluarga')	30 hari sehingga 18 tahun (atau sehingga 23 tahun jika berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf), belum berkahwin dan tidak bekerja.

- d. **Tunai sebelum perlindungan** – Sumbangan penuh perlu dibayar kepada Kami atau ejen sah Kami sebelum perlindungan boleh diberikan.
- e. **Tuntutan** – Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Kami secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan kecederaan atau kerugian tersebut.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil dan lampiran untuk terma dan syarat penuh.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak meliputi perkara berikut:

- a. Keadaan yang sedia ada;
- b. Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- c. Kesan atau pengaruh dadah atau alkohol;
- d. Pembunuhan atau serangan provokasi;
- e. Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang atau jenayah;
- f. Semasa menyertai sukan profesional dan/atau aktiviti berbahaya seperti mendaki gunung, mendaki batu atau tebing, hoki ais, bermain polo kuda, penunggang kuda, sukan musim sejuk, sukan kapal layar, sukan berjalan dalam gua dan mendaki gua, aktiviti meluncur air, terjun udara, terjun tebing, lompat "bungee" dll.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil dan lampiran untuk senarai penuh pengecualian.

8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sumbangan secara pro-rata; tertakluk kepada sumbangan minimum RM25.00 akan disimpan oleh Kami, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda mengemaskini portal Pelanggan myTakaful atau emel Kami di csu@takaful-malaysia.com.my untuk sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang produk ini, sila hubungi Kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)],
Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Faks: 603 - 2274 0237
Emel : csu@takaful-malaysia.com.my
Laman Web: takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk laman sesawang Kami di www.takaful-malaysia.com.my.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL MAKLUM JADUAL MANAFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM SIJIL DAN ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN KAMI ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2024.